

30/11/1999

Rakyat buat keputusan tepat

SOKONGAN padu rakyat terhadap Barisan Nasional (BN) tetap terserlah. Komponen itu berjaya mendapat kemenangan dua pertiga dan membentuk kerajaan awal pagi ini. Walaupun Pas kekal di Kelantan dan kini Terengganu pula dikuasainya, BN masih menerajui sembilan negeri lain. Paling mengejutkan pilihan raya kali ini menyaksikan kecundanganya dua tokoh utama DAP, Lim Kit Siang dan Karpal Singh bagi kedua-dua kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (Dun) di Pulau Pinang. Ini adalah satu tamparan hebat kepada pembangkang, sekali gus menggambarkan pengundi Cina tidak lagi mahu menerima kehadiran dua tokoh itu.

Kekalahan mereka membuktikan penduduk Cina Pulau Pinang lebih selesa dengan BN. Ekonomi yang semakin pulih hasil kerja keras kerajaan meyakinkan mereka terhadap komponen itu. Sebagai kaum terbesar yang terbabit dalam dunia perniagaan amnya, penduduk Cina sedar kestabilan politik tanpa sebarang huru-hara menjadi teras kepada pemulihan serta giatnya ekonomi. Penolakan terhadap DAP jelas menunjukkan penduduk Cina pulau itu tidak mahu mengambil risiko besar terhadap mata pencarian mereka. Apatah lagi DAP jelas mengamalkan politik kepartian sempit sedangkan secara umumnya penduduk Cina di Malaysia semakin bersikap terbuka.

Selain khidmat bakti tidak seberapa kepada rakyat dijadikan kayu pengukur, rakyat menolak dua tokoh itu kerana terlalu berpolitik sehingga kebajikan mereka diabaikan. Namun, faktor utama Karpal dan Lim tidak diterima ialah berikutan keputusan DAP bekerjasama dengan Pas. Kita percaya penduduk Cina Pulau Pinang amat sensitif dengan isu ini. Mereka mengundi BN kali ini kerana boleh menerima orang Islam dalam Umno yang jelas mengamalkan kesederhanaan pada masa yang sama mengambil kira kepentingan kaum lain.

Bagi Pas mereka berjaya mempergunakan isu Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk kepentingan politiknya pada pilihan raya kali ini. Mereka mendapat simpati rakyat hasil pelbagai modal politik dan dakwaan yang diketengahkan oleh Parti Keadilan Nasional (Keadilan). Jarum bisa yang dimainkan Pas ini menawan hati orang Melayu hingga memencilkan Umno. Hakikatnya, orang Melayu sudah mempunyai dua haluan berbeza. Kesepakatan untuk mempertahankan wadah dan ketuanan Melayu semakin dirobek oleh dua parti itu. Tidak keterlaluan jika dikatakan Pas dan Keadilan melebarkan lagi jurang perpecahan orang Melayu.

Bagi Keadilan pula, kekalahan besar hampir di semua kerusi yang ditandingi membuktikan orang Melayu tidak mudah menerima parti serpihan Umno. Selain kemenangan beberapa pemimpin utamanya, parti itu menerima nasib sama seperti Parti Melayu Semangat 46 (S46) dalam pilihan raya 1995 lalu. Orang Melayu menyokong Keadilan bukan kerana yakin parti itu dapat memperjuangkan orang Melayu seperti Umno tetapi kerana belas kasihan terhadap bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

Apapun keputusan pilihan raya kali ini, kita percaya semua pihak menerimanya dengan hati terbuka. Rakyat bersyukur ia dapat berjalan lancar dalam suasana penuh muhibah dan harmoni. Tahniah kepada rakyat kerana membuat pemilihan yang tepat demi menjayakan proses demokrasi setiap lima tahun itu. Seperti sembilan pilihan raya lalu, pengundian kali ini penting kerana ia memberi peluang kepada setiap rakyat menterjemahkan erti kebebasan memilih pemimpin, seterusnya menubuhkan sebuah kerajaan yang demokratik. Inilah tunjang dan elemen utama demokrasi yang kita junjung

selama ini.

Menyedari tanggungjawab besar masing-masing, rakyat semalam beramai-ramai bertumpu di semua 6,931 pusat sejak awal pagi lagi untuk mengundi. Peratusan yang keluar mengundi kali ini bertambah baik walaupun di beberapa negeri hujan turun lewat petang. Tiada insiden tidak diinginkan berlaku dan rakyat patuhi dengan pantang larang ketika mengundi. Terima kasih diucapkan kepada polis dan anggota keselamatan lain kerana berjaya mengawal keadaan dengan baik pada setiap masa. Kepada petugas Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), kalungan tahniah kita hулurkan. Syabas kepada semua calon dan penyokong yang menang. Begitu juga kepada muka baru dan calon yang dipilih semula. Bagi yang tewas pula, terimalah kekalahan itu dengan dada yang lapang dan akur bahawa rakyat tidak mahu kepemimpinan mereka. Semua ini adalah asam garam dalam politik. Bagi yang menang, pelbagai tugas besar menanti untuk dilaksanakan. Negara mempunyai agenda lebih besar. Seperti ditegaskan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semua sengketa sepanjang musim pilihanraya mesti dilupakan. Rapatkan semula hubungan sama ada penyokong mahupun pemimpin. Bersama-sama kita bekerja keras dan berganding membawa Malaysia merentas alaf ke mercu kegemilangan.

(END)